

KE ARAH PENGHAPUSAN KANSER SERVIKS DI MALAYSIA KOLABORASI PROGRAM ROSE TAJAAN ETIQA CARES BERSAMA YB YEO BEE YIN

4 Mac 2023, Kuala Lumpur. Yayasan ROSE bersama Kumpulan Etiqa telah berkerjasama dengan Ahli Parlimen Puchong, YB Yeo Bee Yin untuk menyaring komuniti wanita B40 di kawasan beliau bermula 4 Mac 2023. Program ini dijalankan bersama program “Kembali ke Sekolah” untuk pelajar sekolah rendah dan menengah yang memenuhi kelayakan.

Saringan percuma ini ditaja oleh Etiqa Cares dan merupakan Program Saringan Serviks Percuma fasa ketiga Etiqa dan acara ini dilaksanakan di bawah Program ROSE dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini untuk bebas daripada kanser serviks.

Kanser serviks adalah kanser ketiga yang paling kerap berlaku dalam kalangan wanita Malaysia namun apa yang kurang diketahui ialah bahawa kanser serviks boleh dicegah dan dirawat sekiranya dikesan awal. Semasa pelancaran Strategi Global WHO pada November 2020, Malaysia bersama 193 negara lain telah beriltizam untuk menghapuskan suatu kanser buat pertama kalinya – kanser serviks. Bukan sahaja satu pengumuman yang semata-mata, pelancaran ini turut diiringi dengan hari tindakan sedunia yang menjurus kepada kempen advokasi dan ujian yang berjaya, perasmian fasiliti rawatan yang baru, dan komitmen politik untuk mencapai matlamat strategi.

Sebagai salah satu peneraju yang menyahut seruan tersebut, Malaysia diwakili oleh Program ROSE bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan saringan serviks dalam kalangan wanita. Ini juga bersempena dengan Hari Kesedaran HPV Sedunia pada 4 Mac ini.

Program ROSE direka khas untuk wanita Malaysia dan menggunakan pendekatan yang inovatif untuk saringan kanser serviks. Program ini menggabungkan persampelan sendiri, ujian HPV primer dan platform kesihatan digital menggunakan teknologi mudah alih, memastikan wanita yang memerlukan sokongan susulan dihubungkan untuk mendapatkan rawatan, jika perlu. Sehingga kini, Yayasan ROSE telah berjaya menyaring lebih 22,000 wanita di seluruh Malaysia. Program ROSE bukan sahaja suatu ujian – ia merupakan perkhidmatan lengkap yang membimbing wanita melalui seluruh proses saringan, memastikan wanita yang dikesan dengan jangkitan HPV dibimbing dan dihubung untuk mendapatkan rawatan susulan.

Dalam kolaborasi ini, Yayasan ROSE akan berkerjasama dengan pejabat YB Yeo Bee Yin untuk menyaring 400 wanita di Kg Kenangan, Kg Tengah A, Kg Tengah B, Kg Kuala Sungai Baru, Kg Batu 13 ½, Kg Sri Puchong, Kg Bersatu, Kg Sri Langkas, Kg Sri Andalas, Kg Sri Langkas Tambahan, Taman Puchong Utama, Kg Sri Aman, Puchong Permai, Taman Pinggiran Putra, Taman Puchong Prima, Serdang Jaya, Taman Bukit Serdang, Taman Universiti Indah, Taman Sg Besi Indah, Taman Muhibbah, Taman Sri Serdang, Kg Orang Asli Sungai Rasau Hilir, Kg Orang Asli Sungai Rasau Hulu, Bandar Bukit Puchong, Taman Saujana Puchong, Kg Batu 14, Kg Baru Batu 14, Puchong Permata dan Bandar Putra Permai yang merupakan kawasan di bawah Parlimen Puchong. “Kami berharap untuk menjangkau wanita kurang disaring seramai yang boleh sepanjang tempoh kempen ini. Wanita perlu melindungi diri sendiri daripada kanser serviks supaya mereka dapat menjaga keluarga mereka” kata YB Yeo Bee Yin.



Wanita yang mendapat keputusan saringan positif dan memerlukan tindakan susulan akan mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya. “Ini memastikan semua wanita dengan keputusan ujian saringan abnormal boleh mendapat akses jagaan pakar” kata Profesor Dr Woo Yin Ling yang merupakan Pengasas dan Pemegang Amanah Yayasan ROSE.

Pada masa kami bangkit semula daripada pandemik COVID-19, adalah penting bahawa saringan penyakit tidak berjangkit (*NCD: Non-Communicable Disease*) yang sebelum ini diabaikan, boleh dijalankan semula dan ditumpukan kepada mencapai lebih ramai wanita dalam komuniti. Untuk membolehkan Malaysia kembali ke landasan penghapusan kanser serviks, vaksinasi remaja perempuan dengan vaksin HPV dan saringan serviks wanita berkelayakan dengan ujian HPV perlu dimulakan.

Mengenai Yayasan ROSE

Yayasan ROSE adalah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 2019 dengan visi menghapuskan kanser serviks di Malaysia. Misi yayasan ini adalah untuk menyediakan saringan serviks kepada wanita di Malaysia menggunakan pendekatan Program ROSE yang unik dan inovatif serta memfokuskan pada golongan yang kurang disaring dan kurang berkemampuan. Untuk maklumat lanjut mengenai Yayasan ROSE, layari <https://www.programrose.org/>.

Mengenai Etiqa

Etiqa adalah sebuah pengedar Insurans dan Takaful yang berbilang saluran menerusi 10,000 kekuatan agensi, 46 cawangan dan 17 pejabat, lebih 490 jaringan bankasurans (melalui cawangan Maybank, bank pihak ketiga, serta koperasi dan broker) di Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia dan Kemboja.

Dalam usahanya dalam ‘Making the World a Better Place’, perjalanan kelestarian Etiqa memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif mengurangkan jejak karbon dan meningkatkan impak sosial, serta soluis luaran yang membolehkan pelanggannya untuk berbuat yang sama.